

PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS BAGI SUBJEK ASAS PENYEDIAAN MAKANAN DAN PEMAKANAN (SPL 1112) DALAM KALANGAN PELAJAR DUA SARJANA MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN (KEMAHIRAN HIDUP)

Yusof Bin Boon & Alwahidah Bt Kamis

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian kes ini bertujuan mengkaji tentang Penggunaan bahasa Inggeris bagi subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan (SPL 1112) dalam kalangan pelajar dua Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kepada 89 orang responden. Kajian ini telah dijalankan di sekitar Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Fokus utama kajian ini adalah berdasarkan empat persoalan kajian iaitu persepsi pelajar, strategi pensyarah, sumber sokongan yang digunakan pelajar dan masalah yang dihadapi pelajar ketika mengikuti pengajaran dan pembelajaran subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan dalam bahasa Inggeris. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Sciences* (SPSS) versi 15.0 untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan pelajar dua SPH telah memberikan tanggapan positif terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam subjek ini. Menurut responden, pensyarah telah menggunakan strategi yang amat berkesan iaitu dengan menggunakan dwi bahasa ketika mengajar. Hasil kajian juga mendapati, pelajar telah menggunakan internet sebagai bahan sokongan untuk menguasai subjek ini. Namun begitu, beberapa masalah pelajar terutamanya masalah berkomunikasi dalam bahasa Inggeris telah dikenalpasti. Oleh itu, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memastikan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran subjek ini akan memberikan kebaikan yang berpanjangan.

Abstract: This study case was conducted is to study about the usage of English for subject Basic Food Preparation and Nutrition (SPL 1112) among second year students of Bachelor in Technology and Education (Living Skill). This research was carried out by using the questionnaire as the instrument for 89 respondents. This research was conducted at University Technology Malaysia, Skudai Johor. The main focus for this study is based on four research question which is student perception, lecturer strategies, students support resource and the problems faced by the students when teaching and learning process was conducted in English. Data was analyzed using the Statistical Package for Sciences (SPSS) version 15.0 to get the value of frequency, percentage and mean. Research finding shows that second SPH students give positive reaction to the usage of English in this subject. According to the respondents, lecturer had used a very effective strategy which is by using two languages while teaching. Research outcome founded that the students used internet as their support resource to conquer this subject. Nevertheless, several problems especially problems in communication in English had been identified from the students. So, a few recommendations were proposed to ensure the usage of English in this subject will give a long term benefit to student.

Katakunci: Penyediaan Makanan dan Pemakanan, Penggunaan bahasa Inggeris

Pengenalan

Penggunaan bahasa Inggeris terus diperluaskan di dalam bidang pendidikan oleh pihak kementerian dengan membuat pembaharuan dalam bidang Sains serta Teknologi. Kementerian Pengajian Tinggi juga telah memberi jaminan pengajaran subjek Sains dan Teknologi (S&T) dalam bahasa Inggeris tidak akan menjelaskan kedudukan bahasa Melayu selaku pengantar utama di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara ini. Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, Datuk Prof Dr

Hassan Said berkata, bahasa Inggeris hanya digunakan untuk pengajaran Sains dan Teknologi di IPTA sebagai kesinambungan kepada dasar kerajaan di sekolah. Beliau berkata, subjek Sains dan Teknologi di sekolah kini diajar dalam bahasa Inggeris dan langkah itu perlu disokong dengan pelaksanaannya diteruskan pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi (Berita Harian, 20 Julai 2007).

Pernyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan bahasa Inggeris bagi subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan dalam kalangan pelajar dua SPH. Kajian ini akan menyentuh tentang persepsi pelajar terhadap dasar kurikulum yang baru dilaksanakan ini, strategi yang telah digunakan oleh pensyarah ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlangsung, sumber sokongan yang turut digunakan oleh pelajar ketika pembelajaran subjek ini dan seterusnya berkaitan dengan masalah pelajar itu sendiri ketika menjalani pembelajaran untuk subjek ini.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan bahasa Inggeris untuk subjek Asas Penyediaan Makanan dan pemakanan dalam kalangan pelajar dua SPH. Berikut adalah objektif khusus kajian ini dijalankan :

- i. Mengenal pasti persepsi pelajar dua SPH terhadap perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan dalam bahasa Inggeris.
- ii. Mengenal pasti strategi pengajaran pensyarah bagi subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan yang disampaikan dalam bahasa Inggeris.
- iii. Mengenal pasti sumber sokongan yang digunakan oleh pelajar untuk menguasai subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan yang diajar dalam bahasa Inggeris.
- iv. Mengenal pasti masalah yang dihadapi pelajar ketika mengikuti pengajaran dan pembelajaran subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan dalam bahasa Inggeris.

Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai kepentingan tertentu. Begitu juga dengan kajian ini yang mana hasil yang diperolehi akan dapat memberikan satu gambaran yang jelas tentang sejauh manakah perlaksanaan pengajaran bahasa Inggeris untuk subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan. Selain daripada itu, adalah diharapkan kajian ini akan dapat :

- 1 Membantu pihak JPTK Universiti Teknologi Malaysia khususnya mengenal pasti masalah-masalah pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi oleh pelajarnya dalam membantu proses pembelajaran yang sedang dijalankan sekarang.
- 2 Memberikan maklum balas kepada pihak JPTK Universiti Teknologi Malaysia tentang pendapat para pelajar terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan.
- 3 Membantu pelajar dua SPH Universiti Teknologi Malaysia untuk menyatakan masalah pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi oleh mereka di dalam proses pembelajaran subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan.

4 Membantu penyelidik-penyalidik masa hadapan untuk meneruskan kajian yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan di dalam bahasa Inggeris.

Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini adalah berkaitan dengan penggunaan bahasa Inggeris untuk subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan dalam kalangan pelajar dua SPH. Fokus penyelidik adalah untuk mengetahui persepsi pelajar, strategi yang digunakan oleh pensyarah, sumber sokongan serta masalah yang telah dihadapi pelajar ketika menjalani aktiviti pengajaran dan pembelajaran subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan dalam bahasa Inggeris.

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar dua SPH (Pendidikan Kemahiran Hidup) yang sedang mengikuti pengajian di Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar tahun dua SPH perdana sahaja.

Metodologi

Populasi Kajian

Mohd Majid (2000), menyatakan bahawa populasi akan menentukan bidang masalah yang perlu dikaji bagi mendapatkan maklumat dan data. Seterusnya maklumat tersebut akan dikumpul dan dianalisis. Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan keseluruhan populasi sebagai sampel kajian. Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada keseluruhan pelajar program perdana tahun dua yang sedang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) di UTM yang telah mengambil subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan (SPL 1112). Jumlah populasi adalah terdiri daripada 89 orang.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Penggunaan soal selidik membolehkan pengkaji memperolehi maklumat yang banyak dengan perbelanjaan yang sedikit (Mohd. Majid, 2000). Di samping itu, ia merupakan instrumen yang mudah ditadbir dan senang diproses untuk analisis (Mohd Najib, 1999). Cadangan jawapan yang dikemukakan akan memudahkan responden menjawab soalan dengan cepat.

Kajian Rintis

Kajian rintis terhadap soalan kajian dilakukan terlebih dahulu untuk menguji kebolehpercayaan soalan. Menurut Mohd Najib (1999), sebelum memulakan kajian sebenar, kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Untuk tujuan ini, penyelidik telah menggunakan sebanyak sepuluh orang responden iaitu pelajar tahun tiga SPH (Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup) sesi 2005/2006 bagi menguji kebolehpercayaan soalan kajian ini.

Menurut Mohd. Majid (1998), penentuan untuk pekali kebolehpercayaan adalah tiada batasan, namun nilai pekali kebolehpercayaan 0.60 sering dijadikan had pengukuran untuk nilai *Alpha* dalam sesuatu kajian.

Hasil daripada kajian rintis ini, penyelidik telah mendapati nilai *Alpha* adalah 0.917 setelah diproses dengan menggunakan SPSS. Ini menunjukkan soal selidik yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan berupaya mengukur pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini dengan baik.

Keputusan

Persepsi pelajar terhadap penggunaan bahasa Inggeris untuk subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan.

Setiap pelajar mempunyai pandangan yang tersendiri tentang penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran. Terdapat sesetengah pelajar mempunyai tanggapan yang positif terhadap perlaksanaanya malah ada yang sebaliknya. Dalam soal selidik ini, terdapat sembilan item yang telah disediakan untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap penggunaan bahasa Inggeris bagi subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan.

Jadual 1 menunjukkan dengan jelas nilai frekuensi, peratusan dan min hasil daripada analisis kajian ini. Secara keseluruhan, hasil daripada analisis persoalan kajian yang pertama ini, didapati nilai keseluruhan min adalah berada di tahap yang tinggi iaitu 3.72.

Hasil daripada dapatan kajian ini, penyelidik telah mendapati bahawa nilai min yang tertinggi adalah item soalan tiga iaitu 3.88. Terdapat sebanyak 56 (62.9 peratus) orang telah bersetuju menyatakan bahawa pelajar perlulah menguasai bahasa Inggeris bagi memudahkan mereka untuk memahami nota subjek ini.

Jadual 1: Taburan responden mengikut persepsi pelajar terhadap penggunaan bahasa Inggeris untuk subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan

| No Item | Pernyataan | Jawapan | | | | | | | | | | Min | |
|---------|--|---------|-----|----|-----|----|------|----|------|----|------|------|--|
| | | ATS | | TS | | KS | | S | | AS | | | |
| | | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | | |
| 1 | Saya berasa mudah untuk mempelajari subjek ini dalam bahasa Inggeris | 0 | 0 | 3 | 3.4 | 32 | 36.0 | 51 | 57.3 | 3 | 3.4 | 3.61 | |
| 2 | Penguasaan bahasa Inggeris saya semakin baik sejak mempelajari subjek ini | 0 | 0 | 2 | 2.2 | 27 | 30.3 | 57 | 64 | 3 | 3.4 | 3.69 | |
| 3 | Saya mesti menguasai bahasa Inggeris dengan baik untuk memudahkan memahami nota dalam bahasa Inggeris sebagai rujukan. | 0 | 0 | 2 | 2.2 | 19 | 21.3 | 56 | 62.9 | 12 | 13.5 | 3.88 | |
| 4 | Walaupun subjek ini diajar di dalam bahasa Inggeris, ia tidak menghalang saya untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang | 1 | 1.1 | 3 | 3.4 | 25 | 28.1 | 54 | 60.7 | 6 | 6.7 | 3.69 | |
| 5 | Saya berasa lebih bersemangat untuk mempelajari subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan dalam bahasa Inggeris | 1 | 1.1 | 3 | 3.4 | 25 | 28.1 | 54 | 60.7 | 6 | 6.7 | 3.65 | |
| 6 | Penggunaan bahasa Inggeris adalah lebih efektif daripada bahasa lain dalam menghuraikan konsep-konsep penting dalam subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan | 1 | 1.1 | 4 | 4.5 | 33 | 37.1 | 40 | 44.9 | 11 | 12.4 | 3.63 | |
| 7 | Setelah menggunakan bahasa Inggeris dalam mempelajari subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan, saya berasa semakin berminat terhadap subjek ini | 2 | 2.2 | 3 | 3.4 | 23 | 25.8 | 42 | 47.2 | 19 | 21.3 | 3.82 | |
| 8 | Terdapat banyak bahan rujukan di dalam bahasa Inggeris untuk subjek ini yang memudahkan saya untuk membuat rujukan | 0 | 0 | 4 | 4.5 | 21 | 23.6 | 51 | 57.3 | 13 | 14.6 | 3.82 | |
| 9 | Saya merasakan penggunaan bahasa Inggeris untuk subjek ini tidak mendatangkan sebarang masalah terhadap pembelajaran saya. | 0 | 0 | 6 | 6.7 | 28 | 31.5 | 39 | 43.8 | 16 | 18 | 3.73 | |
| Purata | | | | | | | | | | | | 3.72 | |

Terdapat 19 (21.3 peratus) orang responden kurang bersetuju dan 12 (13.5 peratus) orang responden yang amat setuju dengan pernyataan item tersebut. Bagi maklum balas tidak setuju pula, hanya terdapat dua (2.2 peratus) orang responden sahaja. Namun tiada jawapan untuk amat tidak setuju diperolehi. Setelah dianalisis didapati bahawa majoriti responden telah bersetuju terhadap item ini. Ini kerana, responden bertanggapan mereka perlulah menguasai bahasa Inggeris dengan baik supaya dapat memudahkan dalam memahami nota pengajaran sebagai rujukan.

Manakala bagi item soalan satu, penyelidik mendapati nilai min berada pada tahap yang rendah berbanding item-item lain iaitu 3.61. Nilai peratusan responden yang bersetuju adalah sebanyak 51 (57.3 peratus) orang. Manakala, sebanyak 32 (36 peratus) orang responden kurang bersetuju dan tiga (3.4 peratus) orang responden telah memilih amat setuju. Namun begitu, terdapat tiga (3.4 peratus) orang responden tidak bersetuju dan tiada jawapan amat tidak setuju diterima. Secara keseluruhan dapatlah dilihat bahawa kebanyakan responden telah memberikan persepsi yang baik iaitu mereka berasa mudah untuk mempelajari subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan ini dalam bahasa Inggeris.

Perbincangan

Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Bahasa Inggeris

Bahasa Inggeris telah dijadikan bahasa yang penting pada masa ini malah bahasa Inggeris telah digunakan secara meluas terutamanya di kolej dan juga universiti. Terdapat sesetengah pihak yang telah menyambut baik terhadap penggunaan bahasa Inggeris di dalam pengajaran dan pembelajaran malah ada juga yang sebaliknya. Menurut hasil kajian Roselia (2006), kebanyakan responden mengakui bahawa bahasa Inggeris amat penting diaplikasikan dalam pengajaran mata pelajaran teknikal. Mereka ini telah sedar betapa pentingnya menguasai bahasa Inggeris dalam mengharungi dunia globalisasi pada masa kini.

Melihat kepada hasil kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati hampir keseluruhan responden telah bersetuju dengan item-item yang telah dikemukakan bagi menjawab persoalan tentang persepsi pelajar terhadap penggunaan bahasa Inggeris bagi subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan. Dapatlah dilihat bahawa, kebanyakan pelajar dua SPH telah memberikan pandangan yang positif terhadap perlaksanaan pengajaran subjek ini dalam bahasa Inggeris. Mereka memberi alasan bahawa perlaksanaan ini akan meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris pelajar. Dapatkan ini selari dengan dapatan kajian Nor azuhar (2003), responden memberikan pandangan positif terhadap perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris. Dengan adanya sikap yang positif dalam diri pelajar ia akan memudahkan pelajar untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran.

Hampir keseluruhan responden memberikan pandangan yang positif terhadap perlaksanaan penggunaan bahasa Inggeris kerana dengan menggunakan bahasa Inggeris ia dapat menambahkan minat mereka terhadap subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan sekaligus mendapatkan keputusan yang cemerlang bagi subjek tersebut. Malah menurut Menurut Suradi (1996), minat adalah kesukaan atau perasaan yang seseorang peroleh. Seseorang yang berminat dengan sesuatu perkara akan mengetahui lebih banyak tentang perkara itu. Dapatkan kajian ini bercanggah dengan kajian Ahmad Tajuddin (1997), kebanyakan pelajar tidak suka jika kuliah diadakan dalam bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak meminati bahasa Inggeris itu sendiri. Namun begitu, pelajar seharusnya mempunyai motivasi diri yang kuat dalam memupuk minat terhadap bahasa Inggeris

Strategi Yang Digunakan Oleh Pensyarah Dalam Pengajaran

Penyelidik mendapati terdapat pelbagai strategi yang telah dilakukan oleh pensyarah subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan ini untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut

hasil kajian Sinari (2003), sesuatu pengajaran yang berkesan memerlukan guru yang pandai mempelbagaikan kaedah, strategi, teknik dan aktiviti yang dijalankan dalam pengajarannya.

Hasil kajian mendapati, kebanyakkan pelajar bersetuju bahawa pensyarah akan menggalakkan pelajar untuk menggunakan bahasa Inggeris ketika berkomunikasi dan membuat tugas. Bagi meningkatkan tahap kefahaman pelajar, pensyarah telah menggunakan bahan bantu mengajar yang disediakan dalam bahasa Inggeris. Pensyarah turut menggunakan dwibahasa semasa mengajar dan sekiranya terdapat istilah bahasa Inggeris yang sukar untuk difahami, pensyarah akan menjelaskannya dengan menggunakan bahasa Melayu. Malah aktiviti berkumpulan tetap masih dilakukan walaupun subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan telah diajar dalam bahasa Inggeris.

Daripada dapatan kajian yang telah dijalankan, didapati strategi yang sering digunakan oleh pensyarah ketika mengajar subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan ini adalah dengan menggunakan dwibahasa. Ini kerana terdapat hampir keseluruhan pelajar telah bersetuju menyatakan bahawa pensyarah telah menggunakan kedua-dua bahasa semasa mengajar agar dapat memudahkan pelajar untuk memahami topik pengajaran. Dapatan ini selari dengan kajian Jumaat (2004), di mana tahap penerimaan pelajar terhadap kaedah pengajaran guru yang menggunakan dwibahasa adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar lebih suka sekiranya guru menggabungkan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ketika sesi pengajaran berlangsung.

Kebanyakkan responden bersetuju dan menyatakan, pensyarah memberi tunjuk ajar apabila responden menghadapi masalah dalam subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan dalam bahasa Inggeris. Ini membolehkan masalah pembelajaran yang dihadapi responden tidak berlanjutan dan dapat diatasi segera. Ia sejajar dengan dapatan kajian Sinari (2003), tunjuk ajar daripada guru amat penting bagi membimbing pelajar dan membolehkan pelajar tidak menghadapi sebarang masalah pembelajaran.

Sumber Sokongan Untuk Meningkatkan Kefahaman Pelajar

Bagi memastikan tahap pencapaian pelajar berada dalam keadaan yang baik, mereka perlulah menggunakan sumber sokongan sebagai bahan sampingan dalam menjalani proses pembelajaran. Sumber sokongan tersebut adalah seperti internet, kamus, buku rujukan dan juga bahan bacaan tambahan seperti majalah.

Hasil dapatan kajian mendapati kebanyakkan responden telah bersetuju bahawa mereka telah menggunakan sumber sokongan dalam menjalani proses pengajaran dan pembelajaran subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan ini. Hasil kajian ini mendapati kebanyakkan pelajar telah menggunakan internet sebagai bahan sokongan dalam mempelajari subjek ini. Ini menunjukkan bahawa pelajar telah menggunakan kemudahan internet untuk mencari maklumat serta menambahkan pengetahuan dan sekaligus akan dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris pelajar. Menurut kajian Rohimi (2003), penggunaan internet telah memberikan implikasi yang baik dalam meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar. Dapatan kajian beliau selari dengan kajian Rubiah (2000), menyatakan bahawa internet adalah penting dan ia membawa faedah terhadap pendidikan pelajar.

Sumber sokongan lain yang turut digunakan oleh pelajar dalam mempelajari subjek ini adalah dengan menggunakan kamus. Hasil dapatan kajian mendapati hampir keseluruhan pelajar telah menggunakan kamus dalam proses pembelajaran mereka. Kamus amat penting kepada pelajar supaya dapat merujuk sesuatu perkataan maupun dalam menterjemahkan ayat bahasa Inggeris yang tidak difahami. Menurut hasil kajian Nor'Ashikin (2003), hampir keseluruhan responden telah menggunakan kamus untuk memahami perkatan yang sukar dan sekaligus dapat memudahkan pelajar untuk mengukuhkan kefahaman mereka terhadap sesuatu subjek yang dipelajari.

Selain menggunakan sumber daripada internet dan juga kamus, pelajar dua SPH juga telah menggunakan sumber sampingan lain dalam mengukuhkan penguasaan mereka terhadap subjek tersebut. Kebanyakkan responden telah menyatakan bahawa mereka telah memperbanyakkan pembacaan dalam bahasa Inggeris supaya lebih mudah untuk mempelajari subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan ini. Dengan memperbanyakkan pembacaan di dalam bahasa Inggeris, ia akan memudahkan lagi pelajar untuk memahami isi pelajaran terutamanya bagi istilah-istilah penting subjek ini. Menurut kajian Ahmad *et al.* (2003), majoriti responden telah berpendapat bahawa semua pelajar perlulah mempunyai kemampuan dalam menggunakan dan membaca buku rujukan yang berbahasa Inggeris. Ini menunjukkan bahawa pelajar perlulah memperbanyakkan pembacaan dalam bahasa Inggeris bagi meningkatkan tahap kefahaman pelajar terhadap subjek tersebut sekaligus akan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris.

Masalah Yang Dihadapi Pelajar Dalam Penggunaan Bahasa Inggeris

Masalah adalah satu situasi yang melibatkan kesusahan atau keperluan bersama dengan sesuatu kekosongan antara masalah dan penyelesaiannya (Syarifah, 1986). Jadi, setiap masalah tersebut perlulah dikenal pasti dan perlu cuba diatasi agar ia tidak berlarutan. Walaupun majoriti tahap pencapaian pelajar dua SPH bagi subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan ini berada pada tahap yang baik namun penyelidik mendapati bahawa mereka masih mempunyai masalah dalam pembelajaran subjek tersebut.

Setelah data dianalisis, didapati masalah utama pelajar dua SPH ini adalah dari segi berkomunikasi dalam bahasa Inggeris ketika sesi pembelajaran subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan berlangsung terutamanya apabila diminta berinteraksi dengan pensyarah. Dapatkan kajian ini sama dengan dapatan kajian Aziz (2005), iaitu responden tidak mengambil bahagian semasa aktiviti pembelajaran serta tidak turut serta berkomunikasi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Maklum balas daripada responden juga mendapati bahawa mereka malu untuk membuat perbentangan tugas di dalam bahasa Inggeris. Ia selari dengan dapatan kajian Ahmad (1997), mendapati terdapat sebilangan pelajar SPH yang malu untuk bercakap dalam bahasa Inggeris kerana mereka tidak yakin dengan diri sendiri. Ini disebabkan oleh kelemahan responden untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

Masalah lain yang turut dihadapi oleh pelajar dua SPH ini adalah sukar untuk memahami istilah serta membuat tugas dalam bahasa Inggeris. Ini mungkin disebabkan oleh kelemahan mereka dari segi pembinaan ayat serta pemahaman nahu. Dapatkan kajian ini disokong oleh dapatan kajian yang dijalankan oleh Johari *et al.* (2006), yang mendapati responden tidak boleh menulis dan mengarang dalam bahasa Inggeris dengan baik. Menurut beliau, masalah ini terjadi kerana kurangnya pembendaharaan kata, pemahaman nahu, pembinaan ayat dan frasa serta kurangnya pemahaman istilah dalam bahasa Inggeris.

Masalah lain yang telah dihadapi pelajar adalah mereka tidak memahami penerangan yang telah diberikan oleh pensyarah ketika mempelajari subjek ini. Masalah ini berlaku kerana mereka tidak memahami bahasa Inggeris itu sendiri. Hasil dapatan kajian ini disokong oleh dapatan kajian Johari *et al.* (2006), majoriti responden tidak memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru dalam bahasa Inggeris. Ini menyebabkan responden tidak dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran. Bahan pembelajaran yang tidak difahami kurang bermakna bagi pelajar (Ee Ah Meng, 1998). Oleh itu, pelajar perlulah berusaha lebih untuk meningkatkan tahap kefahaman mereka terhadap bahasa Inggeris.

Rumusan

Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji mendapati skor bagi nilai min purata bagi persoalan kajian tentang persepsi pelajar dua SPH terhadap penggunaan bahasa Inggeris bagi subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan pada keseluruhannya adalah tinggi iaitu 3.72. Bagi persoalan kedua pulak iaitu strategi yang digunakan pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran pada keseluruhnya juga tinggi iaitu 3.73 dan sumber sokongan yang digunakan pelajar dalam proses pembelajaran pula berada

pada tahap tinggi iaitu 3.86. Manakala nilai purata min bagi persoalan yang berkaitan masalah yang dihadapi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga tinggi iaitu 3.89.

Rumusan yang boleh dibuat kepada keseluruhan kajian ini, nilai purata min bagi keempat-empat persoalan kajian berada pada tahap yang tinggi. Didapati pelajar dua SPH ini telah mempunyai pandangan yang positif terhadap penggunaan bahasa Inggeris. Mereka telah menyambut baik perlaksanaan pengajaran di dalam bahasa Inggeris. Mereka telah memberikan tanggapan yang baik terhadap perlaksanaan ini dengan menyatakan bahawa mereka perlu menguasai bahasa Inggeris agar dapat memudahkan untuk membuat rujukan. Ini membuktikan bahawa mereka telah sedar tentang kepentingan bahasa Inggeris pada masa kini.

Bagi memastikan tahap pencapaian pelajar di dalam subjek Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan ini berada dalam keadaan yang baik, beberapa strategi telah dilaksanakan oleh pensyarah dalam menjalani proses pengajaran dan pembelajarannya. Bagi meningkatkan kefahaman serta penguasaan pelajar terhadap subjek ini, pensyarah telah menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu secara berselang seli semasa mengajar. Pensyarah juga hanya menggunakan bahasa Inggeris yang mudah agar pelajar dapat memahaminya. Dengan cara ini ia akan memudahkan pelajar terutamanya bagi menerangkan istilah-istilah penting.

Pelajar juga turut menggunakan bahan-bahan sokongan yang berbahasa Inggeris semasa menjalani proses pembelajaran mereka. Ini kerana dengan adanya sumber sokongan lain, ia akan meningkatkan tahap kefahaman sekaligus akan menambahkan pengetahuan pelajar. Bahan rujukan yang sering digunakan oleh pelajar adalah seperti internet, penggunaan kamus dan mereka juga telah memperbanyakkan bahan bacaan bahasa Inggeris. Ini akan dapat membantu meningkatkan pengetahuan terutamanya dari segi penguasaan bahasa Inggeris.

Namun begitu, masih terdapat beberapa masalah yang telah dihadapi pelajar dalam mempelajari subjek ini di dalam bahasa Inggeris. Masalah utama yang telah dikenalpasti adalah kesukaran untuk berkomunikasi apabila diminta berinteraksi dengan pensyarah. Ini kerana kebanyakan pelajar mengalami masalah untuk berbahasa Inggeris. Malah mereka juga mempunyai masalah dari segi penulisan dalam bahasa Inggeris terutamanya dalam membuat tugas untuk subjek ini. Masalah lain yang turut dihadapi adalah datangnya dari sikap individu itu sendiri iaitu perasaan malu. Ia perlulah dikikis bagi memastikan masalah ini akan dapat diselesaikan agar perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran subjek ini akan dapat berjalan dengan lebih lancar.

Rujukan

Abd. Karim Bin Azis (2001). *Relativiti Gaya Pembelajaran Dalam Proses Pembelajaran Pelajar-Pelajar Tingkatan 4 Pengajian Kejuruteraan Awam. Satu Tinjauan*. UTM: Projek Sarjana Muda.

Abdul Ghani Md Nor (1991). *Mengkaji Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-Guru Pelatih Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Semasa Latihan Mengajar*. UTM: Projek Sarjana Muda.

Abdullah Majid (1995). *Bahasa Inggeris Dalam Arus Pembangunan Negara, Satu Tinjauan Umum*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Adam Bin Othman (2002). *Faktor Yang Membantu Pembelajaran Pelajar Aliran Vokasional Di Sekolah Menengah Teknik Balik Pulau*. UTM: Projek Sarjana Muda.

Ahmad Atory Hussain. (29 Julai 2001). *Gagal Kuasai Bahasa Inggeris Punca Melayu Asingkan Diri*. Utusan Malaysia.

Ahmad bin Abdul hamid, Mohd Fauzi b. Md Zahir dan Low Jia Yann (2003). *Kajian Mengenai Penggunaan Bahasa Inggeris Dalam Pengajaran Perakaunan. Satu Kajian Kes Ke Atas Pelajar-Pelajar Perakaunan*. UTM Skudai:Projek Sarjana Muda.

Ahmad Suhaimi Omar (1995). *Penggunaan Rancangan TV Pendidikan Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Di Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Hilir Perak: 1 Tinjauan*. UTM Skudai: Projek Sarjana Muda.

Ahmad Tajudin Ab Rahman (1997). *Persepsi Terhadap Penguasaan Dan Penggunaan Bahasa Inggeris Di Kalangan Pelajar Kemahiran Hidup (SPH)* UTM. UTM: Projek Sarjana Muda.

Asmah Bt Hj Ahmad (1989). *Pedagogi 1*. Selangor: Longman Malaysia.

Aziz Nordin (2005). *Student's Perception on Teaching Learning Mathematics in English*. Buletin Fakulti Pendidikan UTM.